

Newspaper	Berita Harian
Date	21/3/2013

Rakyat nikmati hasil transformasi

BH-21/3/2013

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan hasil laporan Program Transformasi Nasional oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, sebagai berjaya.

Katanya, kad laporan dibentangkan kelmarin itu menunjukkan proses transformasi negara sudah pun berlaku dan rakyat perlu memberi perhatian terhadap perubahan yang dilakukan.

“Banyak perkara sebelum ini tiada, kini sudah dilaksanakan dengan jayanya dan terbukti memberi manfaat berguna kepada rakyat.

“Kad laporan itu menunjukkan proses transformasi sudah pun berlaku,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis Bicara Bersama Tun Dr Mahathir Mohamad: Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama di Kementerian Pertahanan, di sini, semalam.

Kelmarin, Najib membentangkan kejayaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi



Dr Mahathir Mohamad

Ekonomi (ETP) yang menjadi bukti iltizam kerajaan menepati janji untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Jadi negara maju

Kejayaan kedua-dua program transformasi yang dilaksanakan tiga tahun lalu itu menjadi asas utama untuk menyokong Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai, pula berkata parti itu yakin komuniti Cina di negara ini menyokong usa-



Liow Tiong Lai

ha transformasi kerajaan kerana terbukti mampu memberi pulangan baik sehingga RM466 bilion.

Katanya, inisiatif dirangka kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak tiga tahun lalu pasti turut dirasakan kumpulan itu.

“MCA akan pastikan mesej Perdana Menteri mengenai agenda transformasi negara yang perlu diteruskan untuk membentuk masa depan lebih cemerlang diyakini komuniti Cina berdasarkan daya saing negara yang semakin tinggi,” katanya mengulas mengenai



Musa Aman

Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata pembentangan laporan tahunan GTP jelas membuktikan kesungguhan kerajaan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai agenda dalam program transformasi negara.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan, menganggap transformasi dilakukan Perdana Menteri, cemerlang hingga tiada pihak yang menafikan hasil kejayaannya.